



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.100-9/1/1 JLD2 (80)

Tarikh : 29 Oktober 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM SEMUA URUSAN RASMI

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan ini melalui surat JPA.(S).100-1/3/3 (8) bertarikh 9 Ogos 2022, telah menjelaskan keperluan untuk memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi perkhidmatan awam. Selaras dengan keperluan tersebut, **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PO.1.1.1: Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Perkhidmatan Awam** turut diperkenalkan.

3. Selaras dengan komitmen dan ketetapan Kerajaan bagi memperkasa dan memartabatkan bahasa Melayu, sebarang perkara, aktiviti, program, projek dan sebagainya yang dianjurkan atau diuruskan

...2/-

kerajaan Malaysia hendaklah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Bahasa Melayu hendaklah diberi keutamaan dan digunakan secara menyeluruh dari segi aspek nama, tema, tajuk, latar belakang, isi kandungan dan apa-apa maklumat yang berkaitan urusan rasmi perkhidmatan awam.

4. Bagi memastikan ketetapan ini tidak menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan dan memberi implikasi perundangan kepada Kerajaan, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/ Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk meneliti, menyemak dan mengambil tindakan yang bersesuaian berhubung perkara ini. Perhatian serius hendaklah diberikan terutamanya bagi sebarang perkara yang melibatkan kepentingan awam dan negara.

5. Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.

YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar
Ketua Setiausaha Negara